



GALERI MEDIA SERBANIKA

No.28 Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

T: 03-40213343 F: 03-40255609

Ruj: GMSB/HR/GAJI24/MYA/08
01 November 2024

SULIT & PERSENDIRIAN

Kepada

TUAN MOHD YUSMAN AWANG

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

SKIM GAJI BAHARU DAN PENYELARASAN PENDAPATAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Selaras dengan penstrukturan semula organisasi syarikat yang melibatkan pelarasan gaji dan faedah, Tuan ditawarkan jawatan sebagai **KETUA EDITORIAL HAKAH CETAK** di bawah Jabatan Editorial **BERKUATKUASA 1 NOVEMBER 2024** dengan gaji dan elaun adalah seperti berikut:

Gaji Pokok	Elaun Prestasi	Elaun Khas
RM 2,800	RM 500	RM 500

2. Penyelarasan ini adalah bagi meningkatkan kualiti dan perkhidmatan di setiap peringkat tatacara kerja dan bagi menyelaraskan semula penstrukturan kewangan dan keutuhan operasi syarikat secara keseluruhan.

3. Pihak syarikat akan memperincikan kaedah dan tatacara penyelarasan gaji seperti Lampiran yang disertakan di dalam surat ini. Pihak Tuan diminta untuk menandatangani persetujuan penyelarasan selewat-lewatnya **5 November 2024** bagi tujuan kemasukan sistem penggajian.

4. Pihak syarikat mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan berterusan yang diberikan dan semoga Tuan dapat mempertingkatkan komitmen dan prestasi kerja.

Sekian.

Yang Menjalankan Tugas

KHAIRUL NADZIR HELMI AZHAR

Ketua Pegawai Operasi
Galeri Media Serbanika Sdn Bhd

Sk Ketua Pegawai Eksekutif
Bahagian Kewangan
File



GALERI MEDIA SERBANIKA

No.28 Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

T: 03-40213343 F: 03-40255609

LAMPIRAN 1
SURAT PERJANJIAN PERSETUJUAN
PENYELARASAN DAN SKIM BAHARU GAJI KAKITANGAN

1. Pihak Tuan akan dikekalkan berkhidmat sebagai **Pekerja Tetap**.
2. Berikut adalah Alamat pelaporan kerja harian dan lapor diri perkhidmatan :
GALERI MEDIA SERBANIKA SDN BHD
NO.28 JALAN PAHANG BARAT, OFF JALAN PAHANG
53000 KUALA LUMPUR
3. Gaji Asas yang akan diterima pihak Tuan adalah berjumlah **RM 2,800**. Jumlah ini tidak termasuk pemotongan KWSP dan SOCSO.
4. Elaun yang akan diterima pihak Tuan adalah berjumlah **RM 500** bagi elaun prestasi dan **RM 500** bagi elaun khas.
5. **Elaun Prestasi** adalah bergantung kepada prestasi yang ditetapkan oleh Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran bagi memastikan kualiti perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Pihak Tuan akan dibekalkan dengan Surat Pekeliling Prestasi yang disediakan oleh Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran.
6. **Elaun Khas** adalah sumbangan yang diberikan oleh pihak syarikat bagi menghargai usaha dan sumbangan dalam menjayakan agenda syarikat dan mencapai halatuju yang berkualiti. Elaun ini akan bergantung kepada kekuatan kewangan syarikat daripada masa ke masa.
7. Pihak syarikat akan mengadakan sesi libat urus secara kerap bagi memastikan ketelusan dan kelestarian suasana bekerja sepanjang tempoh pihak tuan berkhidmat.

.....

Saya _____ bernombor kad pengenalan _____ dan memegang No Kakitangan GMSB63 memahami dan bersetuju / tidak bersetuju dengan penyelarasan dan skim gaji baharu yang telah ditetapkan. Persetujuan ini adalah tidak dipaksa dan atas kerelaan saya sendiri bagi membangunkan syarikat ini.

Saya Yang Mengesahkan

Saya Yang Bersaksi

.....
Mohd Yusman Awang

.....
Nur Hafizah Ibrahim
Jab. Pentadbiran dan Sumber Manusia